

27 SEP 1998

GOH MINTA RAKYAT S'PURA TEGAS MENGENAI HUBUNGAN DENGAN KL

SINGAPURA, 27 Sept (Bernama) -- Rakyat Singapura diminta supaya bersikap tegas dan tidak membenarkan mereka diperbudakkan dalam keadaan hubungan yang menurun dengan Malaysia sekarang, Akhbar Sunday Times melaporkan hari ini.

Ia memetik Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong sebagai berkata di New York bahawa rakyat Singapura juga perlu mengambil pengajaran daripada pertelingkahan dua hala. Goh sekarang sedang melawat Amerika Syarikat.

Beliau memberitahu rakyat Singapura menyedari bahawa keadaan mungkin boleh menjadi sangat buruk dan tidak mengangap bahawa pertumbuhan ekonomi dan hubungan baik dengan negara-negara lain akan berterusan selama-lamanya.

Goh berkata beberapa isu baru-baru ini yang menyebabkan ketegangan antara Singapura dan Malaysia adalah malang sekali dan tidak dijangkakan.

Ini disebabkan apabila beliau bertemu dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini, mereka telah menandatangani perisytiharan bersama untuk mengadakan hubungan yang lebih kukuh berasaskan kepada dasar "makmorkan jiran anda".

"Tetapi apa telah jadi, nampaknya yang sebaliknya berlaku," katanya dan menambah bahawa dasar itu menjadi "miskinkan antara sama lain".

"Mereka fikir kita cuba memiskinkan Malayia dan sesetengah langkah yang mereka ambil nampak seperti mahu memiskinkan Singapura. Saya rasa ini adalah sesuatu yang malang sekali," katanya.

Goh berkata Singapura perlu menerima turun naik hubungan dengan Malaysia dan berusaha ke arah hubungan yang lebih kukuh.

-- BERNAMA

THG WAT